

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**  
**BILANGAN 2/1993**

---

**KEHADIRAN KETUA PENOLONG PEGAWAI (PEMBANGUNAN)**  
**DI DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA TANAH DAERAH**

---

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 5hb. Mei, 1993 telah membincangkan kehadiran Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah. Mesyuarat telah memutuskan bahawa Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) adalah dilantik sebagai Ahli turut hadir kepada Jawatankuasa tersebut. Dengan demikian keahlian Jawatankuasa Tanah Daerah mulai sekarang adalah seperti berikut :-

Pengerusi	:	Pegawai Daerah
Pengerusi Gantian	:	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)
Ahli	:	Semua Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional dari daerah berkenaan. - Wakil YAB. Menteri Besar yang dilantik.
Turut hadir	:	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)

2. Peranan Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) di dalam Jawatankuasa ini adalah tidak menyeluruh. Beliau diperlukan apabila Jawatankuasa membincangkan kemungkinan sesuatu kawasan Tanah Kerajaan dicadangkan diberimilik atau dikeluarkan lesen/permit. Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) akan dapat memberikan pandangan dari segi penglibatan kawasan berkenaan dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat daerah. Dengan demikian Jawatankuasa akan dapat membuat pilihan samada untuk memperakukan tanah berkenaan untuk diberi pelupusan atau mengutamakan kehendak pembangunan.

3. Namun begitu apabila Jawatankuasa membincangkan pemilihan peserta sesuatu Rancangan Tanah untuk tapak rumah atau pertanian mahupun apabila menentukan bakal pembeli/penerima rumah bagi sesuatu skim perumahan maka kehendak perancangan pembangunan sudah tidak diperlukan lagi. Dalam keadaan seperti ini kesemua Rancangan Tanah atau skim perumahan yang berkenaan adalah merupakan projek-projek yang telah sedia diberi kelulusan. Oleh itu Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) tidak perlu mengambil bahagian.

4. Semua Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya mengenai Keahlian Jawatankuasa Tanah Daerah tersebut.
5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling PTG. Sel. No. 2/1991 bertarikh 8hb. Januari, 1991 dan Bil. 1/1984 (kecuali para 3) bertarikh 8hb. Mei, 1984.

Sekian.

T.T  
**(HAJI IDRIS BIN DENAN)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Selangor Darul Ehsan.  
Shah Alam.

Bertarikh: 27hb Mei, 1993

Bil. ( )dlm. PTG. Sel. 32 PT.2 (Semt)

**\* PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.1/2008\***